



Orang ramai perlu bijak pilih jenis simpanan, pelaburan

Mei 29, 2023 @ 10:59am

KUALA LUMPUR: Setiap orang mesti mempunyai simpanan wang walaupun sedikit, tidak kira dalam bentuk jangka pendek atau panjang.

Dalam keadaan ekonomi tidak menentu ketika ini, ditambah pula kos sara hidup semakin meningkat saban hari, memilih membuat simpanan dalam bentuk pelaburan adalah satu pilihan tepat.

Selain berbentuk jangka panjang dan berpotensi memberikan pulangan modal atau dividen, ia juga dapat digunakan untuk masa hadapan terutama untuk persaraan.

Bagaimanapun, untuk membuat simpanan dalam bentuk pelaburan, perlu membuat perancangan bijak dan paling penting, berusaha menetapkan keutamaan.

Selain itu, seseorang itu juga perlu lebih berdisiplin dan mempunyai tanggungjawab tinggi dalam merancang kewangan serta perlu tahu yang mana keperluan dan kehendak.

Mereka yang mempunyai komitmen lain seperti hutang atau pembiayaan seperti rumah dan kereta, juga perlu memastikan komitmen itu dibayar dengan teratur setiap bulan.

Ambil langkah bijak

Dalam keadaan sekarang, pasti ramai sudah mengambil langkah bijak, iaitu mempunyai simpanan jangka pendek seperti untuk deposit kereta, insurans dan cukai jalan kenderaan, simpanan bagi persiapan persekolahan anak serta sambutan musim perayaan.

Namun simpanan sedemikian bersifat sementara sahaja dan tidak memberi pulangan seperti simpanan berbentuk pelaburan.

Malah, simpanan sedemikian sudah mempunyai tujuan tertentu dan jika berlaku sebarang kecemasan pasti sukar menggunakan wang berkenaan.

Pentingnya tabung kecemasan ia sudah pasti dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan mendesak atau di luar jangkaan yang boleh berlaku pada bila-bila sahaja kepada diri sendiri atau ahli keluarga.

Lebih merisaukan sekiranya terpaksa menggunakan kad kredit untuk kecemasan walaupun sedar kadar faedah tinggi.

Jadi, dengan adanya tabung kecemasan dalam bentuk simpanan dan pelaburan dapat mengelak membuat pinjaman tidak terancang atau bekerja lebih masa.

Bagi yang mereka yang berfikir kemungkinan simpanan persaraan seperti di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak mencukupi, simpanan dalam bentuk pelaburan antara pilihan untuk menampung kekurangan.

Pelaburan disediakan dengan profil risiko dan pulangan yang berbeza. Sebagai contoh, Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan ASB 2 adalah contoh pilihan pelaburan yang diyakini ramai sejak sekian lama.

Selain itu, amanah saham yang diuruskan Permodalan Nasional Berhad (PNB) ini turut mengekalkan nilai modal pada kadar RM1 seunit menjadikan ia antara pilihan untuk pelabur dengan profil risiko rendah.

Kedua-dua unit amanah ini antara pelaburan yang senang dan fleksibel menjadikan ia pilihan sesuai untuk mereka yang mengutamakan kestabilan untuk simpanan jangka panjang.

Baru-baru ini juga, had pelaburan bagi ASB dan ASB 2 ditingkatkan kepada RM300,000 setiap individu. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan budaya menyimpan dalam kalangan Bumiputera agar mereka dapat menambah simpanan untuk manfaat masa hadapan.

Justeru, pilihlah untuk melabur di ASB dan ASB2 kerana jika pelaburan yang disimpan lebih lama akan berkembang dari semasa ke semasa.

Lebih tinggi simpanan yang ada, lebih tinggi peluang untuk menjalani masa hadapan yang cerah.